

**Tan Kim Hock: Permudah permohonan Buku Log, akan cetus banyak masalah penipuan**

## **SOALAN**

**China Press**

**26 Januari 2010**

Pengerusi Persatuan Peniaga Motosikal Johor, Tan Kim Hock berpendapat tindakan JPJ membenarkan pembeli motosikal memohon buku log (Log Book) atau nombor penugasan (Assignment Number) tanpa surat kebenaran daripada syarikat kredit atau peniaga motosikal, akan mencetuskan lebih banyak masalah penipuan.

## **MAKLUMBALAS**

*Tuan,*

*Prosedur semasa Jabatan ini menetapkan bahawa permohonan salinan Perakuan Pendaftaran Kenderaan dan pemindahan nombor pendaftaran kenderaan tidak lagi perlu disertakan bersama surat kebenaran daripada institusi kewangan atau syarikat pembiaya kenderaan. Ini adalah selaras dengan peruntukan Seksyen 11(4) Akta Pengangkutan Jalan 1987 yang menyatakan bahawa catatan pihak yang menuntut ke dalam sistem atau Perakuan Pendaftaran Kenderaan tidak boleh disifatkan sebagai menjejaskan apa-apa liabiliti pemilik berdaftar kenderaan atau meletakkan pada pihak yang menuntut apa-apa hak atau kuasa yang diberikan kepada pemilik berdaftar.*

*Dengan memansuhkan keperluan surat kebenaran daripada pihak yang menuntut dalam kedua-dua urusan tersebut, Jabatan meletakkan tanggungjawab kepada pemilik berdaftar untuk memaklumkan kepada pihak yang menuntut akan pengeluaran salinan Perakuan Pendaftaran Kenderaan dan pemindahan nombor pendaftaran kenderaan. Dalam mengemukakan permohonan juga, pemilik berdaftar adalah terikat dengan peruntukan undang-undang, di mana semua maklumat yang dikemukakan semasa permohonan mestilah benar dan sekiranya didapati mengemukakan kenyataan palsu, pemilik berdaftar boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 108(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987, yang boleh membawa hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi 1 tahun.*

*Walaubagaimanapun, setelah mengambil kira pandangan pelbagai pihak, khususnya syarikat kredit dan peniaga motosikal, Jabatan ini memutuskan bahawa motosikal yang masih mempunyai tuntutan hak milik kurang dari tempoh 2 tahun, surat kebenaran dari pihak yang menuntut hendaklah disertakan semasa mengemukakan permohonan salinan Perakuan Pendaftaran Kenderaan.*

*Sekian, terima kasih.*

**NORAINI BINTI MOHD NAWI**

**Pegawai Perhubungan Awam**

**Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia**

**Putrajaya.**